

25 OCT 2002

KOSOVO ANTARA 64 NEGARA SERTAI TILAWAH PERINGKAT ANTARABANGSA KE-44

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-44 yang bermula malam ini disertai oleh 64 buah negara termasuk Kosovo yang pertama kali menyertainya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pusat tilawah, berkata tilawah tahun ini menempa sejarah dengan jumlah penyertaan terbanyak sejak diperkenalkan pada 1961.

"Sambutan yang menggalakkan ini menunjukkan Malaysia menjadi pusat renungan umat Islam seluruh dunia yang juga mengiktiraf negara ini sebagai sebuah negara Islam yang telah begitu jauh melangkah ke hadapan dalam perjalanan mengangkat martabat agama Islam," katanya ketika berucap pada majlis perasmian tilawah di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Tilawah yang bertemakan "Bersama Hayati Keindahan Islam" dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Turut berangkat ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Syed Ahmad Shahabudin dan isteri.

Antara negara yang mengambil bahagian dalam tilawah kali ini ialah Algeria, Bosnia Herzegovina, Brunei, Cameroon, Kuwait, Thailand, Vietnam dan Arab Saudi.

Malam ini sebanyak tiga orang qari dan seorang qariah dari tiga negara memperdengarkan bacaan masing-masing. Mereka ialah Abderaouf Ben Slimane Benbouker dari Tunisia, Mohd Rizal Hussin (Singapura), Igshaan Taliep dan Magmooda Taliep (Afrika Selatan).

-- BERNAMA

SNS HS HM